

14 NOV 1996

LEAD Anwar-Myanmar

USAHA HANTAR PELABURNYA KE MYANMAR DISELARAS

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Usaha akan diselaras untuk membolehkan lebih ramai pelabur Malaysia menanam modal di Myanmar, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Beliau menyampaikan pengakuan itu kepada Menteri Kewangan Myanmar, Brig-Jen Win Tin yang mengunjunginya di Kementerian Kewangan. Anwar yang juga Menteri Kewangan kemudian meraikan Win Tin pada majlis makan tengah hari di Carcosa Seri Negara di sini.

Pagi tadi selepas dikunjungi Win Tin, Anwar memberitahu pemberita mereka berbincang mengenai kerjasama ekonomi dan hubungan dua hala.

Win Tin yang diiringi Pengerusi Bank Pusat Myanmar U Kyi Aye tiba semalam untuk lawatan empat hari. Mereka melawat Jabatan Kastam dan Eksais Diraja pagi ini dan Bank Negara tengah hari ini. Mereka juga dijadual melawat pembinaan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan kilang Perodua di Rawang.

Anwar berkata Win Tin telah mempelawa pelabur Malaysia untuk ke negaranya.

Beliau juga berkata beberapa perjanjian bagi mengelak cukai berganda dan jaminan pelaburan akan ditandatangani antara kedua-dua negara apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Myanmar Januari depan.

Katanya beberapa perjanjian membabitkan kemudahan kredit Malaysia kepada Myanmar sudahpun diputuskan dan ditandatangani hari ini.

Yang turut hadir pada majlis makan tengah hari itu ialah beberapa tokoh korporat termasuk Tan Sri Rashid Hussein dan Tan Sri Azman Hashim.

Anwar juga dikunjungi oleh Sheikh Mohammed Ibrahim Al-Jubair, Pengerusi Majlis Al-Syura Arab Saudi di Kementerian Kewangan.

Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Zahir Ismail mengiringi Sheikh Mohammed, yang juga dalam lawatan empat hari bermula semalam

--BERNAMA

ARA AZZ MAI